



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	1/2/2017	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	TANAH / UMUM		
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN		

Tanah NCR di Sarawak diiktiraf, dilindungi

ISU tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak sering dibicarakan malah dijadikan 'senjata' oleh segelintir pihak tidak bertanggungjawab untuk menyerang kepimpinan kerajaan negeri.

Penulis akui, antara isu popular yang cuba dipolitikkan ialah kononnya kerajaan negeri telah merampas tanah NCR daripada masyarakat peribumi di negeri ini.

Namun, sama ada sedar atau tidak, kerajaan negeri tidak akan mengambil atau merampas tanah NCR milik rakyat, malah sentiasa mengiktiraf kewujudannya menerusi pewartaan tanah itu sebagai Rizab Guna-sama Bumiputera di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak 1957.

Tanah Rizab Guna-sama Bumiputera tersebut adalah untuk kegunaan mana-mana kaum yang mempunyai sistem adat yang sama.

Jika pun berlaku pengambilan tanah NCR, ia adalah untuk tujuan pembangunan yang dapat memberikan manfaat kepada semua rakyat seperti pembinaan jalan raya, sekolah dan sebagainya.

Perlu diingatkan, tindakan mengambil tanah NCR itu tetap dilakukan menerusi prosedur ketat dan pemilik tanah akan diberi pampasan mengikut harga pasaran semasa.

Ini kerana, kerajaan sedar bahawa isu NCR sangat sensitif terutama dalam kalangan kaum Dayak dan sejak dari dahulu lagi cuba menangani kes berkaitan tanah dengan meletakkan kepentingan pemiliknya mengatasi segala-galanya.

Antara lain, penulis yakin, dalam melaksanakan pembangunan yang melibatkan tanah NCR, kerajaan sentiasa melakukan kajian secara terperinci dan teliti sebelum mengambil tanah berkenaan bagi tujuan pembangunan.

Paling utama, kerajaan tidak pernah sekali-kali bertindak kejam seperti mengusir masyarakat setempat daripada kediaman atau penempatan mereka tanpa membayar pampasan yang berpatutan serta mengikut kadar semasa.

Malah, dalam keadaan tertentu kerajaan negeri turut menyediakan penempatan baharu untuk mereka yang tanahnya terlibat dengan projek pembangunan.

Hakikatnya, dalam merangka agenda pembangunan untuk rakyat khasnya yang berkaitan



Di Sebalik Isu Panas

Bersama MULLER ASEN

dengan dasar dan program pembangunan tanah, kerajaan negeri sentiasa mengutamakan kesejahteraan hidup rakyat agar mereka tidak tercicir daripada arus perdana pembangunan di negara ini.

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua negeri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, sehingga kini, kerajaan negeri telah mengenal pasti kira-kira 1.5 juta hektar keluasan tanah NCR di Sarawak.

Menurutnya, kerajaan negeri juga mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program pengukuran perimeter tanah NCR sekali gus mengembalikan keyakinan pemilik tanah tersebut bahawa kerajaan mengiktiraf dan membantu pemilik mewartakan tanah milik mereka

pengukuran perimeter tanah NCR sekali gus mengembalikan keyakinan pemilik tanah tersebut bahawa kerajaan mengiktiraf dan membantu pemilik mewartakan tanah milik mereka.

"Tidak cukup dengan itu, kerajaan telah menjalankan kerja-kerja mengukur tanah NCR itu tanpa mengenakan sebarang bayaran kepada rakyat.

"Rakyat negeri ini juga beruntung kerana cukai dan premium tanah tersebut tidak perlu dibayar serta tiada had tempoh pemilikan ke atas tanah itu.

"Ini jelas membuktikan kerajaan tidak merampas tanah rakyat, sebaliknya membantu rakyat supaya tanah tersebut mendapat pengesahan hak miliknya," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Awang Tengah memberitahu,

kerajaan Persekutuan telah memberi peruntukan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan program penyukatan tanah NCR dan ia dilakukan secara percuma dan berperingkat-peringkat tanpa meminggirkan mana-mana pemilik NCR.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Tanah dan Survei (JTS) Sarawak, Datuk Sajeli Kipli berkata, tanah NCR sudah wujud sejak sebelum pemerintahan keluarga James Brooke lagi iaitu sekitar tahun 1841 hingga 1941.

Katanya, perkara itu tidak dapat dipertikaikan dan setiap permohonan daripada penduduk untuk mendapatkan status tanah NCR, JTS akan membuat kerja mengukur atau menyukat bagi mengelak pertelingkahan antara para pemilik tanah.

"Kerajaan sentiasa mengiktiraf tanah NCR, namun ada pihak menuduh kerajaan tidak iktiraf tanah NCR.

"JTS menyukat tanah NCR dengan dua kaedah. Pertama, kita ukur keliling kawasan sesebuah kampung itu dan ia dinamakan sebagai ukuran perimeter.

"Selepas kita mengesahkannya sebagai tanah NCR, JTS akan mewartakan tanah itu sebagai tanah NCR bagi komuniti berkenaan.

"Satu lagi proses ialah kita (JTS) melakukan sukatan dalaman. Hanya selepas mengesahkan itu adalah tanah NCR, baru kita keluarkan geran untuk pemilik tanah berkenaan," katanya.

Sehubungan itu, penulis menyifatkan proses pengukuran tanah NCR di Sarawak merupakan pendekatan yang terbaik dalam usaha kerajaan mengiktiraf kewujudan tanah milik masyarakat peribumi. Hakikat sebenar yang perlu diketahui masyarakat umum ialah kesungguhan kerajaan untuk menjamin kelangsungan hak rakyat ke atas tanah NCR di negeri itu.

ENJIT-ENJIT SEMUT

Orang yang betul-betul berani dan jiwa kental saje boleh masuk hutan sekarang ni!



Kenapa? Takut terserempak dengan rimau ke?

Takut terserempak dengan penguat kuasa hutan!



Tu hutan Gua Musang jel! Hee... hee... hee!